

Tarikh Dibaca: 12 Februari 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“BILA HATI TELAH BERTAUT, PASTIKAN
SYURGA MILIKMU”**

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsalan (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor
12. Ustaz Hairul Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



"BILA HATI TELAH BERTAUT, PASTIKAN SYURGA MILIKMU"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَانًا . . .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Hadirin sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar terus menerus iltizam bertaqwa kepada Allah; dengan menjunjung segala titah perintah-Nya serta menjauhi segala larangan dan tegahannya-Nya.

Semua orang dikalangan kita, tak kira yang soleh maupun yang tidak, masing-masing berangan-angan dan berharap akan menjadi penghuni syurga juga akhirnya. Namun untuk memastikan syurga adalah milik kita, maka sudah tentu ia mempunyai syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

Maka untuk tujuan itu marilah kita celikkan mata dan bukakan minda untuk menghayati khutbah pada hari yang mulia ini, khutbah yang bertajuk: "**BILA HATI TELAH BERTAUT, PASTIKAN SYURGA MILIK MU**"

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah.

Dalam Al-Quran dan Hadis banyak terdapat arahan dan perintah serta penjelasan bahawa orang-orang yang beriman adalah bersaudara. Persaudaraan yang dibina di atas dasar aqidah dan agama ini lebih kuat dari persaudaraan yang telah terbina di atas dasar darah daging dan keturunan. Sesungguhnya menjaga keharmonian dalam persaudaraan seaqidah dan seagama adalah antara syarat utama untuk melayakkan sesorang itu menjadi penghuni Syurga.

Allah SWT dan rasul-Nya telah memerintahkan kita meneliti dan menghayati nas al-Quran dan Hadis Nabawi mengenai kewajipan berkasih sayang sesama Islam. antaranya;

Firman Allah SWT dalam surah al Hujurat, ayat 10:



إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَاصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا
اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka oleh itu hendaklah kamu memperelokkan hubungan persaudaraan antara kamu. Dan takutlah kepada Allah semoga dengan itu kamu beroleh kerahmatan".

Firman Allah lagi dalam surah Al Anfal ayat 46:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشِلُوا
وَتَذَهَّبَ رِتْحَمُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الْأَصْبَرِينَ



"Dan kamu semua wajib taat kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu bertelingkah, kelak kamu akan gagal dan kehilangan kekuatanmu, dan bersabarlah sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar"

Antaranya lagi ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Demi diriku dalam genggaman-Nya, kamu semua tidak akan dapat memasuki syurga sehingga kamu beriman, dan kamu tidak dikira beriman sehingga kamu berkasih-sayang sesama mu. Adakah kamu ingin supaya



saya tunjukkan petua apabila kamu melakukannya maka kamu akan berkasih sayang ?, iaitu sebarkanlah salam di kalanganmu".

(Riwayat Muslim).

Sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Jauhilah sifat buruk sangka, kerana buruk sangka itu adalah kata-kata yang dusta. Janganlah kamu intip mengintip, janganlah kamu dengki mendengki dan janganlah kamu bermusuh-musuhan. Jadikanlah dirimu sebagai hamba Allah yang bersaudara".

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bagi mereka yang telah tenang dan khusyuk hatinya menerima dan meletakkan Islam di atas pundaknya, maka sudah memadai beberapa ayat al quran dan hadis nabi untuk ia mengatakan (سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا) “kami dengar dan kami patuh”. Sebenarnya tanpa ayat al Quran dan hadis pun, walau hanya dengan menggunakan fikiran yang waras dan melihat kepada realiti umat Islam masa kini dan masa lampau maka kita pasti akan mengambil kesimpulan bahawa tiada pilihan bagi umat Islam melainkan menguatkan mahabbah persaudaraan dan perpaduan.

Sesungguhnya survival ummah tidak akan dapat dipertahankan tanpa perpaduan. Mampukah kita menghadapi bencana perpecahan demi perpecahan, sehingga tiada ruang lagi yang dapat kita pecah-pecahan, akhirnya kita akan menjadi ummah yang kerdil dan lemah seterusnya tidak mempunyai sebarang nilai lagi, demikian yang digambarkan oleh Rasulullah SAW sebagai "غُثَّاءُ كَفَنَاءِ السَّيْلِ". Maksudnya bilanganmu ramai tetapi seperti buih



di laut yang tidak punya daya saing dan kekuatan akibat dari perbalahan demi perbalahan.

Disamping itu kita jangan lupa bahawa mutakhir ini musuh islam semakin berani memperselekeh Islam, bahkan cuba mengungkit kedudukan Raja-Raja sebagai Ketua Agama di setiap negeri, kerana pada pandangan mereka umat Islam sudah lama kehilangan taring, bahkan mereka menganggap umat Islam hanya bagaikan harimau kertas sahaja tanpa ada apa-apa kekuatan. Mimpi ngeri itu lambat laun akan menjadi kenyataan sekiranya ummat Islam terus berpecah. والعياذ بالله.

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Menginsafi betapa perlunya umat Islam bersatu padu dan betapa jeliknya perpecahan dan perbalahan, maka mimbar yang mulia ini ingin melontarkan beberapa tips atau petua bagaimana perpecahan dapat dielakkan. Maka dengar dan hayatilah perkara-perkara berikut:

Pertama: Umat Islam wajib meletakkan Allah dan Rasul mengatasi segala-galanya. Oleh itu umat Islam hendaklah mengutamakan perintah Allah supaya bersatu menjunjung serta melaksanakan perintah dan mematuhi laranganNya. Sesungguhnya perpecahan adalah jalan menuju kearah kekalahan. Tanamkan keyakinan dalam diri masing-masing akan kebenaran pesanan Rasulullah SAW bahawa Syurga hanya layak bagi mukmin yang berkasih sayang antara satu sama lain.

Kedua: Memelihara (**أَدَابُ الْإِخْرَافِ**) atau adab-adab menangani perbezaan pendapat adalah menjadi suatu kemestian kepada ummat Islam, khususnya para ulama, ahli politik dan pemimpin-pemimpin disetiap lapisan masyarakat. Ketahuilah bahawa orang-orang yang hidup di zaman salaf dan khalf (dahulu dan kemudian) mereka sangat berlapang dada dalam



menghadapi perbezaan pendapat. Bagi mereka tiada halangan berbeza pendapat dalam perkara yang boleh berbeza. Mereka juga boleh menerima kepelbagaian pendapat dan saling hormat-menghormati dalam menentukan strategi, cara dan kaedah untuk mencapai survival ummah. Kata-kata Al Imam As Syafi'e wajar menjadi pegangan dan panduan dalam menangani dan menyantuni perbezaan pendapat. Dalam konteks ini beliau pernah mengatakan:

"Pendapat ku memang betul, tetapi boleh jadi juga salah. Sedangkan pendapat orang lain salah tetapi boleh jadi juga betul".

Kata beliau lagi:

"Aku tidak pernah berbalah dengan sesorang melainkan aku mengharap agar Allah menzahirkan kebenaran melalui lidahnya bukan lidahku"

Ketiga: Umat Islam wajib menjaga dan mengawal pertuturan agar tidak mengungkapkan kata-kata yang boleh menyemai bibit-bibit perpecahan. Mestilah cermat dan berhemah dalam menuturkan kata-kata yang membawa makna memperlekeh pandangan dan pendapat orang lain. Jauhi sifat terlalu mudah dan ghairah menghukum dan melemparkan kata-kata kasar dan kesat seperti: kafir, syirik, bid'ah, tidak syar'ei, tidak thiqah, bangang, goblok, mangkok hayun dan sebagainya.

Ungkapan-ungkapan seperti ini dan yang seumpamanya walaupun seronok didengar oleh sebahagian orang tetapi ia menanamkan bibit-bibit kebencian kepada saudara-saudara kita yang lain. Sesungguhnya cara berdakwah atau uslub addakwah yang diajarkan oleh al-Quran adalah menyeru dengan hikmah dan nasihat yang baik ialah lebih kepada memujuk bukan mengutuk. Cara dakwah seperti ini dapat dipelajari dari kisah Nabi



Musa dan Harun عليهما السلام ketika diperintahkan berdakwah kepada Fir'aun melalui firman Allah dalam surah Taha ayat 43-44:

أَذْهَبَا إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيْنًا
لَّعْلَهُ وَيَتَذَكَّرُ أَوْ تَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

"Pergilah kamu berdua kepada fir'aun kerana sesunggunnya dia itu derhaka, maka berdakwahlah kepadanya dengan kata-kata yang lembut semoga dia mendapat peringatan dan merasa takut".

Mutiara tausiah yang kita dapat kutip dalam perhimpunan yang mulia ini ialah seperti berikut:

- 1- Umat Islam wajib memelihara hubungan ukhuwwah atau persaudaraan dikalangan kita.
- 2- Umat Islam mesti mengelakkan diri dari menjana perpecahan dan perbalahan.
- 3- Umat Islam mesti berusaha sedaya upaya untuk mencapai keredhaan Allah dan melayakkan diri untuk memiliki Syurga yang dijanjikan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ
وَأُولَئِكَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَّعُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ



وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ أَلَا خِرْجَةٌ
وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

٥٩

"Wahai orang-orang yang beriman ! hendaklah kamu taat kepada Allah dan taat kepada Rasul serta ulil amri dikalangan mu. Jika kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara maka kembalikanlah kepada Allah dan Rasul sekiranya kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih utama dan lebih baik akibatnya".

(Surah an-Nisa' - 59).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي
وَإِيَّاَكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَقْوُنَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman atau perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُّجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
الَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَانِيَّتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكُنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ
سَلَّاعُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَّاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورِ ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ . اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ .

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.